

FEFUR TABLET (FILM-COATED)

Ferrous Fumarate (100mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FEFUR TABLET
2. Bagaimana FEFUR TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan FEFUR TABLET
4. Cara menggunakan FEFUR TABLET
5. Semasa menggunakan FEFUR TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan FEFUR TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan FEFUR TABLET

FEFUR TABLET digunakan dalam pencegahan dan rawatan anemia (kekurangan sel darah merah yang sihat kerana zat besi tidak mencukupi), yang mungkin disebabkan oleh diet yang tidak mencukupi, penyerapan zat besi yang kurang oleh badan, kehamilan, atau kehilangan darah.

Bagaimana FEFUR TABLET berfungsi

Zat besi merupakan mineral penting untuk badan. Ferrous fumarate berfungsi dengan menyediakan zat besi untuk membantu badan menghasilkan sel darah merah yang sihat.

Sebelum menggunakan FEFUR TABLET

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap ferrous fumarate atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- Anda mempunyai sebarang penyakit masalah penyimpanan zat besi atau penyerapan zat besi

seperti *haemochromatosis* atau *haemosiderosis* (pengumpulan zat besi di dalam badan).

- Anda mengalami anemia (sel darah merah rendah) bukan disebabkan oleh kekurangan zat besi.
- Anda sedang menerima suntikan zat besi.

- Sebelum mula mengambil FEFUR TABLET

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil FEFUR TABLET jika anda mempunyai:

- Sejarah pengambilan minuman keras (alkohol)
- Keradangan hati (hepatitis)
- Sebarang jangkitan
- Sebarang keradangan (contohnya enteritis, kolitis, pancreatitis) atau ulser gastrousus

Mengandung dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Pada trimester pertama (iaitu tiga bulan pertama) kehamilan, pengambilan zat besi yang mencukupi biasanya diperoleh daripada pemakanan yang betul; Walau bagaimanapun, pada trimester kedua dan ketiga, apabila keperluan meningkat dengan mendadak, kekurangan zat besi lebih kerap terjadi, dan supplemen zat besi mungkin disyorkan.

Jika anda tidak pasti sama ada mana-mana perkara di atas adalah berkaitan dengan anda, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Khususnya, beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat berikut:

- Tetracyclines (antibiotik): Ubat ini perlu diambil 3 jam sebelum atau 2 jam selepas pengambilan tetracycline.
- Antasid (ubat untuk melegakan senak atau pedih ulu hati) atau teh: Ubat ini tidak boleh diambil dalam masa 1 jam sebelum atau 2 jam selepas pengambilan antasid atau teh.
- Vitamin C (asid askorbik).

Cara menggunakan FEFUR TABLET

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 biji sehari.

Kanak-kanak (melebihi umur 4 tahun): 1 biji sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil sekali atau dua kali sehari atau mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan FEFUR TABLET untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

FEFUR TABLET (FILM-COATED)

Ferrous Fumarate (100mg)

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan sakit perut, loya, muntah (kadang-kadang dengan darah), pernafasan yang mendalam dan cepat, masalah hati atau kegagalan fungsi buah pinggang.

Semasa menggunakan FEFUR TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan FEFUR TABLET.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi FEFUR TABLET kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai gejala atau penyakit yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan ambil FEFUR TABLET untuk tempoh masa yang lama kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Memandu dan menggunakan mesin

Berhati-hati memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda

tahu bagaimana FEFUR TABLET memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, FEFUR TABLET boleh mengakibatkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah seperti di bawah:

- Ketidakelesaan perut.
- Loya dan muntah.
- Cirit-birit atau sembelit.
- Najis berwarna kehitaman.

Berjumpalah dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan FEFUR TABLET

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C.

Lindungi daripada kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, bersalut filem berwarna perang, bertepi serong dengan permukaan yang cembung sedikit.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Ferrous fumarate 100mg
- Bahan-bahan tidak aktif
Cornstarch
Hydroxypropyl Methylcellulose E-15
Hydroxypropyl Methylcellulose E-5
Lactose Monohydrate
Magnesium Stearate
Polyvinylpyrrolidone K-25
Polyethylene Glycol 4000
Sodium Starch Glycolate
Isopropyl Alcohol

- Nombor MAL:
MAL1991132XZ

Pengilang

HOVID Bhd
Lot 56442, 7 1/2 Miles
Jalan Ipoh/Chemor
31200 Chemor, Perak, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12/03/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)080324/00033